

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

BIL. 2 /2009

TATACARA PELAKSANAAN KUASA PENDAFTAR DALAM MENGARAHKAN AHLI JEMAAH PENGARAH (AJP) PERTUBUHAN PELADANG (PP) MENGOSONGKAN JAWATAN DI BAWAH SEKSYEN 14(5)(f) AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973 (AKTA109)

1. Tujuan

- 1.1 Arahan ini bertujuan memberikan Tatacara dalam pelaksanaan peruntukan undang-undang, seksyen 14(5)(f) Akta PP 1973 (Akta 109), iaitu mengenai kuasa Pendaftar mengarahkan jawatan pengarah itu dikosongkan dalam erti kata lain ialah memecat mana-mana AJP jika ia mengambil bahagian dalam apa-apa urusan atau bertindak mengikut suatu cara yang pada pendapat Pendaftar mendatangkan mudharat kepada kepentingan-kepentingan PP itu.
- 1.2 Arahan ini juga bertujuan memberi panduan kepada wakil-wakil pendaftar, AJP dan pengurusan PP supaya tidak melakukan atau bersubahat dalam tindakan yang boleh disifatkan memudaratkan PP.

2. Tafsiran

Di dalam kaedah ini melainkan perkataannya membawa maksud yang lain-

"Akta" ertinya Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109)

" Pendaftar" ertinya Pendaftar Pertubuhan Peladang atau mana-mana orang yang diwakilkan kuasa olehnya menurut seksyen 7(3) Akta.

"undang-undang" ertinya termasuklah Akta, Peraturan-peraturan PP1983, Arahan dan Pekeliling Pendaftar , Perlembagaan PP dan Kaedah-kaedah Berdaftar PP.

3. Punca Kuasa

- 3.1. Pendaftar PP diperuntukkan kuasa di bawah Peraturan 85, Peraturan-Peraturan PP 1983 seperti berikut:-

“Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu, mengeluarkan arahan-arahan dan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan ini.”

- 3.2. Punca kuasa Pendaftar bagi melaksanakan Arahan ini ialah seksyen 14(5)(f) Akta 109 seperti berikut –

14(5). Jawatan seseorang pengarah hendaklah disifatkan sebagai dikosongkan dalam mana-mana daripada hal yang berikut iaitu-

(f) jika ia mengambil bahagian dalam apa-apa urusan atau bertindak mengikut suatu cara yang pada pendapat Pendaftar mendatangkan mudharat kepada kepentingan-kepentingan Pertubuhan Peladang itu.

- 3.3. Oleh yang demikian, bagi melaksanakan seksyen 14(5)(f) Akta, Pendaftar mengeluarkan Arahan ini sebagai suatu prosedur

4. Latar Belakang

- 4.1. Pada masa yang lalu, tidak ada tatacara bertulis khas dalam menggunakan seksyen 14(5)(f) ini bagi menggugur mana-mana Ahli Jemaah Pengarah yang didapati bertindak dengan cara yang memudharatkan PP.

- 4.2. Dalam keadaan biasa tatacara yang harus digunakan hendaklah berpandukan prinsip-prinsip Keadilan Asasi (Principle of Natural Justice).
- 4.3. Antara prosedur dalam prinsip-prinsip Keadilan Asasi ialah seperti berikut –
- (i) Terdapatnya aduan dan bukti dokumentari mengenai tindakan Ahli Jemaah Pengarah berkenaan.
 - (ii) Pendaftar akan menubuhkan suatu Jawatankuasa Siasatan bagi menentukan terdapatnya *prima facie* dalam kes tersebut.
 - (iii) Jika terdapat *prima facie* Pendaftar akan mengeluarkan surat tunjuk sebab atau pertuduhan supaya AJP berkenaan dapat menjawab secara bertulis.
 - (iv) Setelah menerima jawapan, jika Pendaftar berpuas hati dengan representasi itu maka kes akan ditamatkan dengan pembebasan daripada pertuduhan.
 - (v) Jika Pendaftar TIDAK berpuas hati dengan representasi itu, Pendaftar akan melantik Panel 'Hakim' yang terdiri daripada tiga orang untuk mendengar kes itu dan memutuskan sama ada Ahli Jemaah Pengarah bersalah atau tidak bersalah.

- (vi) Jika didapati bersalah maka Pendaftar akan mengeluarkan Arahan menggugurkan AJP tersebut. Jika didapati tidak bersalah, Pendaftar akan mengeluarkan Arahan yang Ahli Jemaah Pengarah itu dibebaskan daripada pertuduhan.

4.4. Prinsip-prinsip Keadilan Asasi yang terpakai dalam kes ini ialah –

- '*nemo judex in causa sua*' – "orang yang mengadili tidak berat sebelah"; dan
- '*audi alteram partem*' – "tertuduh diberi hak untuk didengar"

5. Perlakuan atau Tindakan Yang Disifatkan Sebagai Memudaratkan Pertubuhan Peladang

5.1 Perlaksanaan atau tindakan-tindakan berikut adalah disifatkan sebagai mendatangkan mudharat kepada kepentingan-kepentingan PP. Tindakan-tindakan tersebut termasuklah –

- (i) menyogok dengan cara menjanjikan untuk memberi atau memberi wang atau apa-apa balasan yang mempunyai nilai wang atau menganjurkan lawatan, mengadakan jamuan kepada ahli atau perwakilan yang akan mengundi dalam apa-apa pemilihan jawatan yang pengarah itu akan bertanding di mana-mana peringkat Mesyuarat Agung Tahunan PP;
- (ii) membeli apa-apa harta tak alih atau pelaburan wang atau memasuki apa-apa usahasama tanpa kelulusan Pendaftar;

- (iii) membuat apa-apa kenyataan terbuka atau dalam media yang merupakan fitnah untuk menjatuhkan imej PP atau Pendaftar;
- (iv) meluluskan dan memasuki apa-apa kontrak TANPA merujuk kepada keputusan-keputusan yang berpandukan petunjuk atau analisis kewangan yang menyebabkan PP mengalami masalah kecairan kewangan.
- (v) menyalah gunakan atau menggunakan wang dan harta PP dengan cara yang tidak mengikut peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang PP;
- (vi) tidak menzahirkan secara berekod mengenai kepentingan diri dan keluarga terdekat, serta mengambil bahagian atau terlibat dalam apa-apa keputusan untuk mengambil kepentingan dalam kontrak yang dijalankan atau difikirkan akan dijalankan oleh PP.
- (vii) Melaksanakan atau bertindak dengan apa-cara di luar bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Undang-undang yang mendatangkan mudarat kepada pengurusan atau kewangan PP; atau
- (viii) lain-lain tindakan yang difikirkan oleh Pendaftar yang membawa mudarat kepada pengurusan dan kewangan Pertubuhan Peladang itu.

5.2 Selain daripada tindakan-tindakan di perenggan 5.1 Pendaftar juga boleh mengarahkan AJP berkenaan membayar balik kerugian, jika ada, di bawah peruntukan 24A(2) Akta 109.

6. Prosedur Bagi Menggugurkan Ahli Jemaah Pengarah Berkenaan.

- 6.1 Pendaftar atau mana-mana orang yang diwakili olehnya, boleh memulakan siasatan di bawah seksyen 19, Akta 109 samaada atas arahannya sendiri atau setelah menerima aduan atau maklumat mengenai sesuatu perlakuan yang memudaratkan itu.
- 6.2 Pendaftar hendaklah melantik suatu pasukan Penyiasat yang tidak kurang daripada dua orang, yang mendapatkan semua dokumen dan/atau keterangan daripada saksi-saksi dan orang yang disiasat itu. Setelah menerima dokumen dan keterangan itu penyiasat hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar atau suatu jawatankuasa yang diwakili kuasa oleh Pendaftar untuk meneliti laporan siasatan tersebut dan menentukan sama ada wujud prima facie atau tidak.
- 6.3 Jika Pendaftar mendapati terdapat prima-facie dalam siasatan tersebut maka Pendaftar hendaklah mengemukakan suatu surat tunjuk sebab kepada Ahli Jemaah Pengarah berkenaan kenapa ianya tidak boleh digugurkan. Ahli Jemaah Pengarah berkenaan hendaklah memberi representasi dalam tempoh 21 hari daripada tarikh ia menerima surat itu.
- 6.4 Jika dalam tempoh 21 hari Pendaftar tidak menerima representasi itu maka Pendaftar boleh membuat keputusan muktamad menggugur Ahli Jemaah Pengarah berkenaan.
- 6.5 Jika Pendaftar menerima representasi itu dalam tempoh yang ditetapkan di perenggan 6.5, dan berpuashati dengan representasi tersebut, Pendaftar hendaklah membebaskan Ahli Jemaah Pengarah berkenaan dari pertuduhan.
- 6.6 Jika Pendaftar tidak berpuashati atas representasi yang dikemukakan, Pendaftar akan melantik 'Panel Hakim' yang terdiri daripada tiga orang untuk mendengar kes ini dan memutuskan sama ada Ahli Jemaah Pengarah bersalah atau tidak bersalah

- 6.7 Jika didapati bersalah oleh 'Panel Hakim', Pendaftar hendaklah menggugurkan Ahli Jemaah Pengarah tersebut, dan jika didapati tidak bersalah, Pendaftar hendaklah membebaskan Ahli Jemaah berkeenaan dari pertuduhan.

7. Rayuan.

- 7.1 Mana-mana Ahli Jemaah Pengarah yang terkilan dengan keputusan Pendaftar boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh 30 hari dari tarikh hukuman. Keputusan Menteri dalam sesuatu rayuan ini adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

8. Tarikh Kuatkuasa

Arahan ini berkuatkuasa mulai Satu Haribulan April Tahun Dua Ribu Sembilan.

(Dato' Hj. Abdul Rahim Bin Hj. Ahmad)

Pendaftar

Pertubuhan Peladang

CARTA ALIRAN KERJA BAGI PROSES MENGAMBIL TINDAKAN MEMECAT AHLI JEMAAH PENGARAH DI BAWAH SEKSYEN 14(5)(f) AKTA PERTUBUHAN PELADANG

